

## Helaian Keterangan Produk

Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Cancer Cover+. Anda juga patut membaca terma umum dan syarat bagi produk ini.

Nama Institusi Kewangan:	FWD Insurance Berhad <i>(dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)</i>
Nama Produk:	Cancer Cover+
Pelan Dipilih:	Pelan <50k/75k/100k>
Tarikh:	<DD/MM/YYYY>

### 1. Apakah produk ini?

Cancer Cover+ adalah satu pelan endowmen tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan insurans sehingga umur tujuh puluh (70) tahun. Pelan ini menawarkan Orang yang Diinsuranskan dengan Manfaat Kanser Peringkat Awal, Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan atau Lanjut, Manfaat Kanser Jantina Tertentu, Manfaat Belas Kasihan dan Manfaat Matang.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Ringkasan manfaat di bawah pelan asas Anda			
Cancer Cover+ menawarkan manfaat-manfaat berikut semasa Polisi masih berkuatkuasa.			
Manfaat	(RM)		
	Pelan 50k	Pelan 75k	Pelan 100k
Jumlah Asas yang Diinsuranskan	50,000	75,000	100,000
Manfaat Kanser Peringkat Awal <sup>1</sup>	30% dari Jumlah Asas yang Diinsuranskan		
Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan/Lanjut	100% dari Jumlah Asas yang Diinsuranskan atau baki Jumlah Asas yang Diinsuranskan		
Manfaat Kanser Jantina Tertentu (Peringkat Pertengahan/Lanjut) <sup>2</sup>	30% dari Jumlah Asas yang Diinsuranskan		
Manfaat Belas Kasihan	4% dari Jumlah Asas yang Diinsuranskan atau nilai tunai, mana yang lebih tinggi		
Manfaat Matang	50% dari jumlah premium dibayar (berdasarkan premium tahunan)		
<sup>1</sup> Jumlah Asas yang Diinsuranskan akan dikurangkan dengan pembayaran yang dibuat dari manfaat ini <sup>2</sup> Jumlah Asas yang Diinsuranskan tidak akan dikurangkan dengan pembayaran yang dibuat dari manfaat ini  Tempoh Perlindungan: Polisi insurans diperbaharui sehingga umur 70 tahun setelah pembayaran premium yang diperlukan.			

Peringatan: Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk definisi, terma dan syarat yang tepat.

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Anggaran jumlah premium yang perlu Anda bayar adalah mengikut pelan yang Anda pilih dan bergantung kepada umur Anda semasa pembelian.

Pelan <50k/75k/100k>	
Premium < Tahunan/Bulanan > (RM)	Kadar Pulangan Secara Tahunan (%) <sup>*</sup>
<55.00>	<x.xx%>

<sup>\*</sup> Kadar pulangan secara tahunan merujuk kepada anggaran purata pulangan tahunan atas manfaat kemandirian/simpanan yang Anda akan terima dalam tempoh Polisi sehingga matang berdasarkan

kepada premium yang telah Anda bayar. Jika kadar pulangan secara tahunan adalah negatif, ia tidak akan mempengaruhi manfaat kemandirian/simpanan dibayar oleh Polisi ini.

Jumlah premium yang Anda bayar menyumbang kepada elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika Anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, Anda mungkin ingin membandingkan kadar pulangan secara tahunan Polisi ini dengan kadar pulangan efektif alternatif pelaburan yang lain.

Premium pembaharuan yang perlu dibayar adalah TIDAK TERJAMIN dan akan meningkat berdasarkan umur Anda semasa pembaharuan. Kami berhak mengubah premium dengan memberi Anda notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelum pembaharuan Polisi.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen akan ditanggung oleh Anda dan dibayar daripada premium Anda.

Tahun Polisi	Komisen	
	%	RM
1		
2		
3		
4-10		

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang boleh mempengaruhi profil risiko Anda seperti pekerjaan dan umur dengan tepat.
- Sekiranya Anda gagal memberitahu Kami mengenai sebarang pertukaran pekerjaan Anda, Kami mungkin menafikan perlindungan Anda.
- Tempoh Pengamatan Percuma – Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan mengembalikan Polisi ini dalam masa lima belas (15) hari selepas penghantaran Polisi kepada Anda oleh Kami. Sekiranya Anda tidak puas hati dengan Polisi untuk apa-apa sebab, jika dipulangkan, Polisi akan dianggapkan batal dari mula dan sebarang premium yang telah dibayar akan dipulangkan tanpa faedah selepas ditolak mana-mana keberhutangan.
- Tempoh Tenggang tiga puluh satu (31) hari dari tarikh pembayaran (termasuk) akan diberi untuk membayar setiap premium yang perlu dibayar, yang dalam tempoh tersebut, Polisi ini akan kekal berkuatkuasa. Jika terdapat premium yang belum dibayar pada hujung Tempoh Tenggang, Polisi ini akan luput melainkan peruntukan Pinjaman Premium Automatik terpakai.
- Apabila berlaku tuntutan, Anda atau wakil Anda dikehendaki untuk mengemukakan notis bertulis kepada Kami. Sebarang kelewatan dalam berbuat demikian boleh menjejaskan pentaksiran tuntutan di pihak Kami. Sila hubungi pegawai perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam mengemukakan tuntutan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk keseluruhan terma dan syarat di bawah Polisi ini.

#### 6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini Kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk Polisi Anda. Kami juga mungkin akan mengenakan pengecualian tertentu apabila Kami menawarkan Polisi ini kepada Anda. Pengecualian tersebut akan direkodkan di dalam Endorsmen Polisi Anda.

Pengecualian
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Manfaat Kematian TIDAK akan dibayar sekiranya Orang yang Diinsuranskan membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Permulaan atau atau terakhir penghidupan semula polisi, yang mana kemudian, meninggal dunia disebabkan pergaduhan, tindakan atau hukuman undang-undang, atau melakukan atau cuba untuk melakukan suatu tindakan kecuai dan/ atau menyalahi undang-undang dan/ atau apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan dasar awam di bawah Undang-undang Malaysia; atau</li> <li>▪ Manfaat Kanser Peringkat Awal TIDAK akan dibayar sekiranya cancer didiagnosis atau sebarang</li> </ul>

tanda atau gejala Kanser Peringkat Awal yang nyata pada bila-bila masa sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh terakhir penghidupan semula Polisi ini, mana yang kemudian; atau

- Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan TIDAK akan dibayar sekiranya cancer didiagnosis atau sebarang tanda atau gejala Kanser Peringkat Pertengahan yang nyata pada bila-bila masa sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh terakhir penghidupan semula Polisi ini, mana yang kemudian; atau
- Manfaat Kanser Peringkat Lanjut TIDAK akan dibayar sekiranya cancer didiagnosis atau sebarang tanda atau gejala Kanser Peringkat Lanjut yang nyata pada bila-bila masa sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh terakhir penghidupan semula Polisi ini, mana yang kemudian.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk keseluruhan pengecualian di bawah Polisi ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan Polisi ini?

Membeli polisi insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka masa panjang. Sekiranya Polisi Anda sudah dikeluarkan dan Anda membuat keputusan untuk membatalkan Polisi Anda, atas apa sahaja sebab, Anda boleh memulangkan Polisi kepada Kami untuk pembatalan. Sekiranya permintaan untuk pembatalan diterima oleh Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda. Anda berhak menerima bayaran balik pembayaran premium yang dibayar, tanpa faedah, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang Kami tanggung untuk pemeriksaan perubatan. Sekiranya Anda membatalkan Polisi Anda selepas lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda, Polisi Anda akan dikira sebagai diserahkan. Kami akan memulangkan kepada Anda nilai tunai yang diperolehi dari Polisi Anda jika berkenaan.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan Anda/penama Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Anda/penama Anda dengan sepatutnya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]

*(dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)*

Ibu Pejabat

: Level 21, Mercu 2, KL Eco City,  
No.3 Jalan Bangsar,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Talian Khidmat Pelanggan

: 1300-22-6262 (Bebas Tol) / 03-2298 0088 (Talian Terus)

Laman Web

: fwd.com.my

E-mel

: ask@fwd.com

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada Kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

### NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSesuaIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

INI ADALAH PRODUK SALURAN LANGSUNG.

Notis Penting Lain:

1. Anda haruslah berpuas hati bahawa Polisi ini memenuhi keperluan Anda serta premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini adalah di dalam kemampuan Anda.
2. Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama sedar dan mengetahui tentang Sijil yang telah Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan mungkin menangguhkan pembayaran wang polisi.
3. Anda boleh menukar pemilikan Polisi ini melalui penyerahan hak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Pertukaran pemilikan Polisi ini hanya berkuatkuasa selepas Kami menerima notis bertulis.
4. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
5. Penggantian polisi insurans hayat sedia ada dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
6. Polisi ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
7. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkar akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.